

PERATURAN SEKOLAH UNTUK MURID**I. KEHADIRAN**

BIL	BUTIRAN
1	<p>Semua murid dikehendaki datang ke sekolah menepati waktu persekolahan. Waktu persekolahan adalah seperti berikut:</p> <p>1.1 Sekolah bermula pada pukul 7.20 pagi.</p> <p>1.2 Pintu Horley Link akan dibuka dari 6.30 pagi – 6.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat dan pada pukul 7.00 pagi – 2.00 petang pada hari Sabtu.</p> <p>1.3 Untuk latihan sukan dan aktiviti kokurikulum, sekolah tamat pukul 4.30 petang.</p> <p>* Sila rujuk jadual kegiatan kokurikulum tahunan yang tertakluk kepada pindaan.</p>
2	Murid yang datang selepas pukul 7.20 pagi dianggap lewat.
3	<p>3.1 Sistem loceng tiga kali:</p> <p>a Selepas bunyi loceng pertama, semua murid mestilah senyap dan berdiri tanpa bergerak.</p> <p>b Apabila loceng dibunyikan kali kedua, semua murid mesti keluar dari kantin dan tandas dan bergerak dengan senyap ke padang untuk perhimpunan sebelum sekolah bermula, atau ke bilik darjah masing-masing selepas masa rehat.</p> <p>c Kali ketiga loceng dibunyikan adalah tanda bahawa semua murid telah sedia beratur di padang atau di luar bilik darjah.</p> <p>3.2 Program DEAR pada hari Isnin:</p> <p>a Selepas bunyi loceng pertama, semua murid perlu mengeluarkan bahan bacaan untuk dibaca (Surat khabar, majalah larangan, buku teks dan buku rujukan tidak dibenarkan).</p> <p>b Apabila loceng dibunyikan kali kedua, semua murid mesti bergerak dengan senyap ke padang.</p> <p>c Apabila loceng dibunyikan kali ketiga, semua murid beratur di padang.</p>
4	Murid yang tidak hadir ke sekolah mestilah membawa sijil sakit. Jika tidak ibu bapa/penjaga murid tersebut mesti datang ke sekolah untuk menyerahkan surat ketidakhadiran sebagai pengesahan. Ibu bapa/penjaga yang gagal berbuat demikian akan menyebabkan anak jagaannya dianggap sebagai ponteng sekolah. Jika murid membawa surat sakit dari klinik swasta, surat tersebut mestilah salinan asal, bernombor siri, mempunyai nombor telefon klinik dan cop asal klinik dengan nama doktor serta tanda tangan doktor tersebut.
5	Murid yang menghidap penyakit berjangkit dilarang datang ke sekolah sehingga disahkan sembuh oleh doktor.
6	Murid yang datang lewat ke sekolah mesti melaporkan diri kepada pengawas/PK HEM dan mendapatkan slip lewat. Slip ini perlu ditunjukkan kepada guru mata pelajaran. Kemudian menyerahkan slip tersebut kepada guru tingkatan pada hari yang sama.

II. KEKEMASAN DIRI

BIL	BUTIRAN						
1	<p>Pakaian waktu sekolah:</p> <p>1.1 Pakaian seragam sekolah mesti dipakai pada waktu sekolah, untuk kelas tambahan lepas sekolah dan kelas tambahan yang diadakan secara rasmi pada waktu cuti sekolah</p> <p>1.2 Kemeja-T/ singlet yang dipakai di dalam hendaklah berwarna putih tanpa corak keseluruhannya.</p> <p>1.3 Kemeja-T persatuan/ kelab sekolah dipakai untuk aktiviti kokurikulum.</p>						
2	<p>2.1 Pakaian waktu Pendidikan Jasmani:</p> <p>a Semua murid dikehendaki memakai kemeja-T sekolah atau kemeja-T rumah sukan</p> <p>b Hanya seluar sukan sekolah dibenarkan.</p> <p>c Murid tidak boleh membuka atau menanggalkan baju semasa aktiviti dijalankan di padang dan gelanggang permainan sekolah.</p> <p>2.2 Pakaian kokurikulum (Hari Rabu)</p> <p>a Pakaian pasukan seragam yang lengkap atau</p> <p>(i) lelaki: Pakaian kemeja-T kokurikulum yang berkolar (dengan cetakan nama badan kokurikulum) mesti diselit ke dalam seluar sekolah.</p> <p>(ii) perempuan: Pakaian kemeja-T kokurikulum yang berkolar (dengan cetakan nama badan kokurikulum) mesti diselit ke dalam skirt sekolah. Pelajar perempuan dibenarkan memakai trek sukan sekolah.</p> <p>SEMUA BAJU KOKURIKULUM MESTI DIJAHIT DENGAN TAG NAMA (Di atas logo sekolah).</p>						
3	<p>Pakaian masa cuti:</p> <p>3.1 Kemeja-T sekolah dan seluar sekolah dibenarkan untuk kegiatan kokurikulum</p> <p>3.2 Selipar tidak dibenarkan</p> <p>3.3 Murid tidak dibenarkan bermain di padang dengan pakaian seragam sekolah. Pakaian haruslah seperti yang dikehendaki untuk waktu Pendidikan Jasmani.</p>						
4	<p>Pakaian seragam murid lelaki (Tingkatan 1 hingga tingkatan 6):</p> <p>4.1 Seluar pendek/ panjang berwarna hijau kehitam-hitaman (dark olive):</p> <p>a Seluar ketat, seluar kembang (baggy pants) tidak dibenarkan. Ukuran bagi seluar panjang sekolah adalah seperti berikut: Ukuran yang ditunjukkan adalah ukuran (ukur lilit) yang dikehendaki melebihi ukuran di peha, di lutut dan di pergelangan kaki.</p> <table data-bbox="406 1533 1331 1669"> <tr> <td>i) di peha</td> <td>4 cm hingga 10 cm</td> </tr> <tr> <td>ii) di lutut</td> <td>4 cm hingga 10 cm</td> </tr> <tr> <td>iii) di pergelangan kaki</td> <td>melebihi 10 cm dan ukuran kurang atau sama dengan ukuran di lutut</td> </tr> </table> <p>b Seluar panjang mesti menyentuh pergelangan kaki dan tidak mempunyai plit.</p> <p>c Kocek yang dijahit dari luar tidak dibenarkan. Kocek bergaya atau terhias tidak dibenarkan. Hanya <u>satu</u> kocek sahaja di bahagian belakang seluar.</p> <p>d Perhiasan pada seluar seperti kancing-kancing/ rivets, zip-zip yang berlebihan, butang bulat, flap dan sebagainya tidak dibenarkan.</p> <p>e Gelang tali pinggang tidak boleh melebihi 2 cm lebar dan 4 cm panjang dan mesti berbentuk segi empat tepat.</p>	i) di peha	4 cm hingga 10 cm	ii) di lutut	4 cm hingga 10 cm	iii) di pergelangan kaki	melebihi 10 cm dan ukuran kurang atau sama dengan ukuran di lutut
i) di peha	4 cm hingga 10 cm						
ii) di lutut	4 cm hingga 10 cm						
iii) di pergelangan kaki	melebihi 10 cm dan ukuran kurang atau sama dengan ukuran di lutut						

BIL	BUTIRAN
	<p>4.2 Baju kemeja berwarna putih berlengan pendek dengan satu kocek di sebelah kiri:</p> <ul style="list-style-type: none"> a Baju kemeja mesti dibutang sehingga ke atas, kecuali butang di kolar, sepanjang waktu. Plit pada baju kemeja tidak dibenarkan. b Lengan baju kemeja tidak boleh dilipat. c Baju kemeja mesti diselitkan ke dalam seluar sepanjang waktu di sekolah <p>4.3 Murid lelaki Islam wajib memakai baju Melayu dan seluar panjang berwarna putih dengan sampin berwarna biru tua pada hari Jumaat. Jika songkok dipakai, hendaklah berwarna hitam.</p>
5	<p>Pakaian seragam murid perempuan (Tingkatan 6):</p> <p>5.1 Skirt berwarna biru muda:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Skirt ketat tidak dibenarkan. b. Labuh skirt mesti sampai ke bawah paras kepala lutut dan berbentuk ‘A’ sahaja. <p>5.2 Baju putih berlengan pendek dengan satu kocek di sebelah kiri:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Baju putih mesti dibutang sehingga ke atas, kecuali butang di kolar, sepanjang waktu. Plit pada baju putih tidak dibenarkan. b. Lengan baju putih tidak boleh dilipat. c. Baju putih mesti diselitkan ke dalam skirt sepanjang waktu di sekolah. <p>5.3 Murid perempuan boleh memakai baju kurung:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Hanya baju kurung Johor sahaja boleh dipakai. b. Cangkuk baju atau butang putih atau pun butang baju Melayu putih mestilah dipakai di leher baju kurung. c. Lengan baju kurung tidak boleh dilipat. <p>5.4 Murid perempuan mesti memakai anak baju (camisole).</p>
6	<p>Kasut dan sarung kaki:</p> <p>6.1 Kasut putih bertali jenis kanvas/ <50% PVC sahaja yang dibenarkan.</p> <p>6.2 Kasut jenis kulit(kecuali ahli lembaga sekolah), nylon atau PVC dan kasut jenis ‘high cut’ tidak dibenarkan.</p> <p>6.3 Sandal dan selipar tidak dibenarkan.</p> <p>6.4 Tali kasut juga mestilah berwarna putih sahaja.</p> <p>6.5 Kasut yang mempunyai sebarang pelekat tidak dibenarkan.</p> <p>6.6 Jika terdapat jalur berwarna pada kasut, jalur berwarna hanya dibenarkan di tapak kasut sahaja.</p> <p>6.7 Cap dagangan pada kasut tidak boleh melebihi 4 sm panjang dan 1 sm lebar.</p> <p>6.8 Sarung kaki berwarna putih keseluruhan mesti dipakai sepanjang waktu di sekolah.</p>
7	<p>Lencana sekolah, tag nama, tali leher:</p> <p>7.1 Lencana sekolah dan tag nama mesti dipakai di atas kocek baju kemeja sepanjang waktu di sekolah. Tag nama harus dijahit di atas kocek dan lencana sekolah dipinkan di atas tag nama.</p> <p>7.2 Tali leher mesti dipakai pada hari pertama sekolah setiap minggu.</p> <p>7.3 Tag nama mesti dijahit sepenuhnya.</p>
8	<p>Tali pinggang:</p> <p>8.1 Hanya tali pinggang jenis kulit, kanvas, PVC dan plastik yang berwarna hitam, atau hijau kehitam-hitaman (olive green) dibenarkan.</p> <p>8.2 Lebar tali pinggang di antara 2.0 sm dan 3.5 sm.</p> <p>8.3 Tali pinggang yang diukir tidak dibenarkan.</p> <p>8.4 Kepala tali pinggang (buckles) tidak boleh melebihi 5 sm panjang dan 3.5 sm.</p>

BIL	BUTIRAN
	8.5 Bentuk kepala tali pinggang mestilah empat segi dan tidak mempunyai ukiran. 8.6 Warna kepala tali pinggang yang dibenarkan adalah krom, perak, gangsa atau emas.
9	Cermin mata: 9.1 Cermin mata berwarna (hitam) atau dua warna (two tone tinted) tidak dibenarkan. 9.2 Cermin mata ‘photogrey’ atau ‘photobrown’ tidak dibenarkan. 9.3 Rangka cermin mata (frame) tidak boleh berwarna warni atau menarik perhatian.
10	Perhiasan dan bahan solek: 10.1 Murid tidak dibenarkan memakai sebarang jenis rantai, gelang, cincin dan sebarang jenis perhiasan. 10.2 Hanya murid perempuan dibenarkan memakai subang jenis ‘stud’ yang kecil dan bukan yang mahal. Subang yang berwarna-warni tidak dibenarkan. 10.3 Bahan solek tidak dibenarkan.
11	Rambut: 11.1 Untuk murid lelaki: <ol style="list-style-type: none"> Rambut mestilah kemas, rapi dan tidak menghalang penglihatan. Rambut ‘bergaya (berwarna, kerinting, ekor, skin cut...dll) tidak dibenarkan. Rambut pada keseluruhannya tidak boleh kelihatan tebal dan panjang. Di belakang: Rambut jatuh tidak melebihi garisan di bawah cuping telinga. Di hadapan : Rambut tidak menutup kedua-dua telinga atau sebahagian daripadanya dan ‘sideburn’ tidak melebihi garisan tengah hidung. Di atas: Rambut tidak boleh melebihi 6 cm panjang. 11.2 Untuk murid perempuan: <ol style="list-style-type: none"> Rambut mestilah disisir atau diikat supaya rapi setiap masa. Rambut yang menutupi telinga harus diklipkan. Rambut yang mencecah kolar kemeja mestilah diikat dan dipakaikan reben. Hanya reben berwarna hitam atau putih dibenarkan. ‘Hairband’, klip rambut yang berwarna hitam sahaja dibenarkan. Rambut bergaya (berwarna, ‘punk’...dll) tidak dibenarkan. Telekung mini berwarna putih sahaja dibenarkan. Pin yang dipakai pada telekung mini mestilah berwarna putih sahaja.
12	Kuku: 12.1 Kuku mestilah pendek dan bersih setiap masa. 12.2 Inai kuku tidak dibenarkan. 12.3 Pengilat kuku (Cutex) tidak dibenarkan.
13	Misai dan janggut: Murid lelaki sekolah tidak dibenarkan menyimpan misai atau janggut atau kedua-duanya. Murid Sikh yang berserban sahaja dibenarkan menyimpan misai dan memakai gelang

III. KESELAMATAN MURID

BIL	BUTIRAN
1	Adalah menjadi tanggungjawab ketua darjah untuk memberitahu Pengetua/ Penolong Kanan sekiranya guru tidak masuk kelas.
2	Murid tidak dibenarkan keluar kawasan sekolah pada waktu sekolah tanpa kebenaran bertulis daripada Pengetua/ Penolong Kanan.
3	Murid juga tidak dibenarkan keluar atau masuk ke mana-mana bilik darjah tanpa kebenaran guru.
4	Murid tidak dibenarkan menjemput atau berhubung dengan orang yang tidak dikenali di dalam kawasan sekolah tanpa kebenaran Pengetua. Orang tersebut mestilah mendapat kebenaran daripada Pengetua untuk berada di sekolah. Dia mesti menandatangani buku pelawat dan menunggu di pejabat.
5	Ibu bapa yang hendak menemui anak mereka haruslah pergi ke pejabat sekolah untuk mendapat kebenaran daripada Pengetua/ Penolong Kanan. Murid berkenaan akan dipanggil untuk menemui ibu bapanya di pejabat sekolah. Ibu bapa mestilah menandatangani buku pelawat. Ibu bapa tidak dibenarkan ke kantin, kelas atau tempat-tempat lain tanpa kebenaran daripada Pengetua/Penolong Kanan.
6	Jumlah duit yang dibenarkan dibawa ke sekolah: 6.1 Tidak melebihi RM50.00 6.2 Jika melebihi RM50.00, murid perlu memberitahu guru atau menyerahkannya kepada guru untuk disimpan. Jika tidak, sebarang kehilangan merupakan tanggung jawab murid itu sendiri. 6.3 Sewaktu latihan jasmani, latihan rumah sukan, dompet duit perlu dikumpulkan dan diserahkan kepada guru untuk disimpan.
7	Barang-barang berharga tidak dibenarkan dibawa ke sekolah. Jika tidak, ia akan dirampas dan hanya akan dipulangkan jika dituntut oleh ibu bapa. Jika tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan, barang tersebut akan dihapus kira.

IV. PERATURAN MAKMAL SAINS BAGI MURID

BIL	BUTIRAN
1	UTAMAKAN KESELAMATAN ANDA SEPANJANG MASA ANDA BERADA DI DALAM MAKMAL.
2	Murid tidak dibenarkan masuk ke dalam makmal tanpa kebenaran dan kehadiran guru. AJK Kebersihan/ Pengawas yang bertugas hanya dibenarkan masuk dengan kebenaran dan pengetahuan Pengetua.
3	Murid yang pergi ke makmal atau balik ke kelas dari makmal hendaklah beratur dan

BIL	BUTIRAN
	bergerak secara berpasangan (two by two). Murid hendaklah tunggu di luar makmal sehingga dibenarkan masuk oleh guru.
4	Murid tidak dibenarkan membawa beg ke dalam makmal. Hanya buku teks, buku tulis dan alat tulis dibenarkan.
5	Murid tidak dibenarkan berpindah atau bertukar tempat duduk tanpa kebenaran daripada guru.
6	Murid tidak dibenarkan melakukan uji kaji yang tidak diarahkan oleh guru.
7	Murid dilarang menyentuh radas/ bahan kimia tanpa kebenaran daripada guru.
8	Semua murid yang menggunakan makmal hendaklah tahu tempat letaknya pemadam api, baldi pasir serta mengetahui cara yang betul menggunakannya dalam masa kecemasan. Dilarang menggunakan baldi pasir sebagai tong sampah.
9	Murid dilarang bermain dengan paip gas, suis elektrik, bahan uji meja, neraca dan radas/ bahan kimia yang lain di dalam makmal.
10	Murid tidak boleh membawa keluar sebarang radas/ bahan kimia dari makmal tanpa kebenaran. Tindakan disiplin akan diambil terhadap sesiapa yang berbuat demikian.
11	Murid dilarang membawa makanan dan minuman ke dalam makmal. Murid juga dinasihati jangan minum air dari paip makmal kerana tidak selamat.
12	Gunakan mancis atau pemetik api untuk menyalakan penunu bunsen. Dilarang menggunakan jalur kertas.
13	Pastikan bahawa bahan kimia yang hendak digunakan adalah betul. Baca label di atas botol dengan teliti. Jika ada keraguan, tanyalah guru.
14	Bahan kimia berbahaya hendaklah dibuka di dalam kebuk wasap.
15	Banyak bahan kimia adalah beracun dan berbahaya. Jangan rasa dan hidu sebarang bahan kimia.
16	Bahan kimia pepejal mestilah dikendalikan dengan menggunakan spatula dan bukan dengan menggunakan jari anda.
17	Jangan bazirkan bahan kimia. Keputusan yang serupa akan diperoleh walaupun hanya sedikit bahan kimia digunakan.
18	Adalah wajib untuk murid memakai cermin pelindung mata atau 'safety goggles' apabila menjalankan amali.
19	Semua kerosakan radas hendaklah dilaporkan dengan serta merta kepada guru yang berkenaan untuk direkodkan dan murid yang memecahkannya hendaklah membayar ganti rugi. Jika tidak diketahui siapa yang memecahnya, kumpulan yang berkenaan

BIL	BUTIRAN
	dikehendaki membayar ganti rugi.
20	Jangan membazirkan gas, air dan tenaga elektrik. Tutup semua penunu bunsen dan padamkan alat elektrik setelah selesai menjalankan kerja amali.
21	<p>MENJAGA KEBERSIHAN MAKMAL ADALAH TANGGUNGJAWAB SEMUA PIHAK. Pastikan bahawa meja dan sinki telah dibersihkan selepas setiap sesi amali.</p> <p>21.1 Jangan buang sebarang sampah-sarap ke dalam sinki atau laci makmal. Bersihkan dan keringkan meja anda.</p> <p>21.2 Semua radas mesti dibersihkan dan dikembalikan ke tempat asalnya pada akhir uji kaji.</p> <p>21.3 Batang mancis atau bahan yang bernyala mestilah dipadamkan dengan air sebelum dibuangkan ke dalam tong sampah.</p>
22	<p>JIKA KEMALANGAN BERLAKU, BERTINDAKLAH DENGAN SEGERA. JANGAN KEBINGUNGAN (PANIC) ATAU BERDIAM DIRI SAHAJA. Laporkan semua kejadian kemalangan (kecil atau besar) kepada guru yang berkenaan dengan serta merta. Berikut adalah beberapa contoh langkah pertolongan cemas yang patut diambil oleh murid sebelum langkah yang selanjutnya diambil.</p> <p>22.1 Jika ada asid atau alkali masuk mulut, ludahkan dengan serta-merta dan basuh mulut dengan air yang banyak</p> <p>22.2 Jika ada asid atau alkali masuk mata, basuhkan mata dengan air yang banyak.</p> <p>22.3 Jika baju anda terbakar, baring di atas lantai dan berguling (roll) sehingga guru meletakkan gebar di atas badan anda untuk memadamkan api itu.</p>
23	Dalam keadaan kecemasan, murid hendaklah meninggalkan makmal secara teratur dan menunggu di tempat yang selamat. Ketua darjah atau penolongnya dikehendaki melaporkan kejadian ini kepada pengetua.
24	AMARAN : Pihak sekolah tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kejadian yang tidak diingini sekiranya seseorang murid itu tidak mematuhi peraturan di atas.

V PERATURAN MURID--KEGIATAN KOKURIKULUM SEKOLAH

BIL	BUTIRAN
1	Semua murid wajib mengangotai sekurang-kurangnya dua badan kokurikulum sekolah iaitu: Kelab Permainan/ Sukan atau Pasukan pakaian Seragam dan Kelab/ Persatuan Akademik (Bukan Permainan/ Sukan) Seseorang murid tidak dibenarkan melibatkan diri dengan lebih daripada tiga badan kokurikulum sekolah.
2	Semua kehadiran dan penglibatan kokurikulum murid mesti direkod dalam Kad Kokurikulum Murid oleh Guru Rumah Sukan atau Guru Penasihat berkenaan pada hari kegiatan kokurikulum diadakan.
3	Kad Kokurikulum Murid akan diguna sebagai bahan rujukan dalam penyediaan Surat Akuan Sekolah. Murid perlu menyimpan semua Kad Kokurikulum mereka.

BIL	BUTIRAN
4	Markah peratus kehadiran Latihan Rumah Sukan akan dicatat oleh Ketua Rumah Sukan manakala Gred Keseluruhan Tahap Kokurikulum Murid akan dicatat oleh Guru Tingkatan dalam Kad Kokurikulum Murid dan Laporan Kemajuan Murid.
5	Murid yang mempunyai markah demerit lebih daripada 40 adalah dilarang mewakili sekolah dalam sebarang pertandingan kokurikulum.
6	Murid mesti memakai Kemeja T Sekolah/ Rumah Sukan dan seluar trek/ sukan sekolah apabila mengambil bahagian kegiatan kokurikulum dalam kawasan padang sekolah. Kasut yang digunakan mesti yang sesuai. Boots atau kasut 'spikey' tidak dibenarkan. Murid dilarang menanggalkan baju mereka semasa melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum di kawasan padang/ gelanggang permainan sekolah.
7	Kesihatan murid adalah sentiasa diutamakan. Murid yang kurang sihat dan tidak dapat melibatkan diri dengan kegiatan kokurikulum mesti memberitahu pihak sekolah dengan surat doktor untuk mendapat pengecualian daripada Pengetua atau Penolong Kanan Korikulum.
8	Demi keselamatan murid, murid perlu prihatin tentang peralatan dan kemudahan sekolah yang digunakan adalah dalam keadaan baik, selamat dan mencukupi. Semua peralatan dan kemudahan sekolah yang rosak atau berbahaya perlu dilaporkan kepada pihak sekolah oleh murid dengan kadar segera.
9	Semua pegawai atau jurulatih sukan/ permainan luar yang ingin membantu dalam kegiatan kokurikulum sekolah mesti mendapat kebenaran Pengetua terlebih dahulu.
10	Murid dibenarkan membawa telefon bimbit ke sekolah apabila mereka mewakili sekolah dalam kegiatan kokurikulum yang dijalankan di luar kawasan sekolah. Murid perlu menyerahkan telefon bimbit mereka kepada Penolong Kanan HEM sebaik mereka tiba di sekolah agar tidak dirampas oleh Guru Disiplin Sekolah atau Pengawas Sekolah.
11	Kehadiran dan penglibatan murid dalam Latihan Rumah Sukan adalah wajib dan diberi keutamaan. Penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum lain (kecuali berlatih untuk pertandingan MSSMKL) tidak boleh diterima sebagai alasan untuk dikecualikan daripada penglibatan dalam latihan rumah sukan.
12	Semua murid wajib mengambil bahagian dalam Pertandingan Larian Merentas Desa peringkat sekolah. Hanya murid yang diberi tugas akan dikecualikan daripada mengambil bahagian,

VI KEBERSIHAN DAN KECERIAAN SEKOLAH

BIL	BUTIRAN
1	Kawasan sekolah: 1.1 Pastikan padang sekolah bersih selepas sesuatu permainan atau kegiatan kokurikulum dijalankan.

BIL	BUTIRAN
	1.2 Haruslah membantu dengan memungut sampah untuk menjaga kebersihan. 1.3 Kemaskinikan maklumat di papan kenyataan kokurikulum.
2	Bilik darjah: 2.1 Sapu dan lap lantai bilik darjah dan kaki limanya dengan bersih. 2.2 Susun kerusi meja dengan lurus. 2.3 Kosongkan bakul sampah. 2.4 Bersihkan papan tulis. 2.5 Pamerkan dan kemaskinikan bahan berunsur pendidikan di papan kenyataan kelas. 2.6 Buangkan semua sampah ke dalam tong sampah.
3	Kantin: 3.1 Letakkan pinggan mangkuk, botol, gelas dan lain-lain yang telah digunakan termasuk yang ditinggalkan oleh orang lain ke dalam bekas yang disediakan. 3.2 Buang pembungkus, sisa makanan dan plastik ke dalam tong sampah.
4	Tandas: 4.1 Gunakan tandas dengan betul dan cermat. 4.2 Buang sampah ke dalam tong sampah. 4.3 Pastikan tandas tidak tersumbat dengan memasukkan benda seperti tuala wanita dan seluar dalam. 4.4 Jangan conteng dinding dan pintu tandas. 4.5 Tutup paip air selepas menggunakannya.

VII PERATURAN LAIN

BIL	BUTIRAN
1	Untuk bulan Ramadan, sekolah mula dan tamat pada masa yang sama
2	Murid haruslah bercakap dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di dalam kawasan sekolah. Murid yang menggunakan bahasa lucah/ kasar/ bahasa ibunda atau membuat bising akan didenda.
3	Murid dilarang keluar bilik darjah pada waktu sekolah tanpa kebenaran guru. Murid yang dibenarkan keluar hendaklah memakai kad 'kebenaran keluar kelas' yang boleh didapati daripada guru.
4	Murid tidak dibenarkan pergi ke tandas pada waktu pertama, waktu sebelum dan selepas masa rehat dan waktu terakhir, kecuali dalam keadaan kecemasan, dengan kebenaran daripada guru. Guru Pendidikan Jasmani hendaklah mengiringi kelasnya ke tandas selepas pelajarannya tamat.
5	Murid tidak dibenarkan bersiar-siar di verandah kelas atau tinggal di dalam bilik darjah pada waktu rehat/ Pendidikan Jasmani kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pengetua/Penolong Kanan.
6	Murid dilarang merokok, berjudi, mengambil bahagian dalam politik, meminum minuman keras dan menyalahgunakan dadah.

BIL	BUTIRAN
7	Murid dilarang ke kantin pada waktu pembelajaran tanpa kebenaran bertulis daripada Pengetua/ Penolong Kanan.
8	Setiap murid kecuali atas sebab-sebab kesihatan, mesti menyertai sekurang-kurangnya satu kelab/ persatuan dan satu badan beruniform.
9	Murid dilarang menyertai sebarang kegiatan luar sekolah, menjadi wakil persatuan luar tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Pengetua.
10	Buku komik dan terbitan lain yang tidak ada kaitan dengan pelajaran, tidak dibenarkan di sekolah.
11	Murid tidak dibenarkan berada di Pusat Sumber pada waktu pembelajaran tanpa kebenaran Pengetua.
12	Murid dilarang pulang awal pada waktu persekolahan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengetua/ Penolong Kanan.
13	<p>Semua murid mesti menjaga harta benda sekolah dengan baik:</p> <ol style="list-style-type: none"> Sebarang kerosakan perabot seperti meja dan kerusi haruslah dilaporkan kepada pihak pejabat. Setiap murid dipertanggungjawabkan kerja memperbaiki meja/ kerusinya. Murid yang memecah kaca tingkap atau perabot dikehendaki menggantikannya. Murid dikehendaki membayar RM20.00 untuk sebuah kerusi, RM15.00 untuk setiap keping kaca tingkap yang pecah dan RM70.00 untuk sebuah meja yang dirosakkannya. Murid dilarang memindahkan meja/ kerusi tanpa kebenaran Pengetua. Murid mesti duduk dengan keempat-empat kaki kerusi terletak di atas lantai. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap murid yang tidak berbuat demikian. Semua kerusi/ meja mestilah dikendalikan dengan elok/ tidak ditolak/ ditarik (tetapi diangkat) supaya tidak rosak (dan sekolah tidak riuh rendah)
14	Murid yang membuang sampah ke atas bumbung sekolah atau kelas yang bumbungnya terdapat sampah sarap, akan dikenakan denda sebanyak RM10.00 untuk sekeping sampah
15	<p>Murid dilarang membawa benda berikut ke sekolah:</p> <ol style="list-style-type: none"> Alatan berbahaya contoh: pisau, pisau cukur (Blade),.. Pemadam 'Liquid Paper' atau 'correction tape' Barangan elektronik contoh VCD, MP3,... <p>Sila rujuk kepada senarai lengkap barang larangan di papan notis Lembaga Pengawas Sekolah.</p> <p>Barang larangan yang dirampas mesti dituntut balik dalam masa <u>5 hari persekolahan</u>. Jika tidak, barang itu akan dhapus kira.</p>
16	Setiap murid hendaklah sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan dalam segala perkara yang dilakukannya. Kelakuannya mestilah menjadi teladan. Dia mestilah menepati waktu dan bekerjasama, bersopan-santun dan berbudi bahasa.
17	Semua arahan daripada pengawas hendaklah dipatuhi dan segala aduan hendaklah dirujuk kepada Pengetua/ Penolong Kanan.

BIL	BUTIRAN

VII. SISTEM MERIT DEMERIT

1. SISTEM MERIT

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa sekolah ini telah melaksanakan sistem “MERIT” di samping sistem “DEMERIT”. Ini adalah salah satu usaha untuk menggalakkan perkembangan sahsiah di samping mempertingkatkan disiplin dan menyelaraskan tindakan/hukuman yang dikenakan oleh pihak sekolah terhadap pelajar-pelajar yang tidak berdisiplin. Garis panduan pemberian markah MERIT adalah seperti berikut:

<u>PERKARA</u>	<u>MARKAH MERIT</u>
1. Memulangkan barang yang dijumpai	3 hingga 10 (Mengikut keadaan)
2. Memberitahu pihak sekolah tentang kerosakan pada mana-mana bahagian sekolah terutama jika ianya boleh membahayakan harta benda, nyawa dan lain-lain.	3 hingga 10
3. Mengharumkan nama sekolah dengan memenangi pelbagai pertandingan di peringkat zon, negeri dan kebangsaan. Mengharumkan nama sekolah kerana pencapaian akademik	3 hingga 10
4. Diberi pengiktirafan atau pujian oleh badan-badan luar kerana telah membuat sesuatu yang terpuji seperti memberi bantuan kepada mangsa banjir, kebakaran, rompakan dan lain-lain.	5 hingga 10
5. Mempunyai pekerti yang terpuji seperti sentiasa hadir ke sekolah (98% - 100%), selalu menolong warga sekolah dan lain-lain.	5 hingga 10
6. Penyertaan ibu bapa dalam aktiviti sekolah seperti Hadir pada Hari Ucapan, Mesyuarat Agung, PIBG, Hari Terbuka dan lain-lain.	3 hingga 5

SALAH LAKU , TINDAKAN DAN MARKAH DEMERIT

Kod	Kesalahan	Tindakan	Demerit
A. TINGKAH LAKU JENAYAH			
A01	BERJUDI/ BERTARUH (SECARA BESAR-BESARAN)	<ul style="list-style-type: none"> • Dirotan • Lapor pada polis • Digantung sekolah 	10
A02	MENCURI		
A03	MENGANCAM/MEMUKUL/MENCEDERAKAN GURU		
A04	MENGANCAM/MEMUKUL/MENCEDERAKAN KAKITANGAN		
A05	MENGANCAM/MEMUKUL/MENCEDERAKAN MURID		
A06	PERAS UGUT		
A07	GENGSTERISME/ MENGANGGOTAI KUMPULAN HARAM/KONGSI GELAP		
A08	BAWA SENJATA MERBAHAYA		
A09	MENCABUL KEHORMATAN		
A10	MENCEROBOH BILIK KHAS/ KEDAI KOPERASI/ PEJABAT/KANTIN		
A11	TUNJUK PERASAAN		
A12	MERUSUH		
A13	MEMBUNUH		
A14	MEROGOL		
A15	BERGADUH/ BERKELAHI		

B. PENYALAHGUNAAN DADAH / INHALAN / RACUN		Tindakan	Demerit
B01	MEMILIKI / MENYIMPAN	<ul style="list-style-type: none"> • Dirotan • Lapor pada polis • Digantung sekolah 	10
B02	MEMBEKAL / MENAWARKAN		
B03	MENJUAL / MENGEDAR		
B04	MENGHISAP / MENYUNTIK / MENYEDUT / MEMINUM / MENGHIDU		
B05	MENGHIDU BAHAN-BAHAN INHALAN		

C. BULI		Tindakan	Demerit
C01	BULI BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> • Dirotan • Lapor pada polis • Digantung sekolah 	10
C02	BULI FIZIKAL		
C03	BULI ISYARAT		
C04	BULI PERHUBUNGAN		

	D. ROKOK	Tindakan	Demerit
D01	MEMILIKI / MENYIMPAN	<ul style="list-style-type: none"> • Dirotan 	10
D02	MEMBEKAL / MENAWARKAN		
D03	MENJUAL DAN MENGEDAR		
D04	MENGHISAP	<ul style="list-style-type: none"> • Kali Pertama (1 Rotan) • Kali Kedua (2 Rotan) • Kali Ketiga (3 Rotan) • Kali Keempat (Gantung) • Kali Kelima (Buang) 	10 setiap kali

	E. PONTENG	Tindakan	Demerit
E01	PONTENG SEKOLAH	<ul style="list-style-type: none"> • Dirotan • Mengikut procedur ketidakhadiran 	5
	1. 3 hari berturut-turut atau 10 hari tidak berturut-turut		
	2. 10 hari berturut-turut atau 20 hari tidak berturut-turut		
	3. 17 hari berturut-turut atau 40 hari tidak berturut-turut		
E02	PONTENG KELAS	<ul style="list-style-type: none"> • Dirotan 	5
E03	PONTENG AKTIVITI KOKURIKULUM	<ul style="list-style-type: none"> • Amaran • 3 kali poteng - dirotan 	3
E04	PONTENG UJIAN / PEPERIKSAAN	<ul style="list-style-type: none"> • Dirotan 	5
E05	PONTENG PREP		
E06	PONTENG ASRAMA		
E07	PONTENG ACARA RASMI SEKOLAH	<ul style="list-style-type: none"> • Amaran • 3 kali poteng - dirotan 	3
E08	PONTENG PERHIMPUNAN /CHAPEL/WAKTU KEAGAMAAN/ PROGRAM 'DEAR'		

	F. TINGKAH LAKU LUCAH	Tindakan	Demerit
F01	BERCUMBUAN	<ul style="list-style-type: none"> • Dirotan 	10
F02	BERKHALWAT		
F03	BAWA BAHAN LUCAH		
F04	MENGEDAR BAHAN LUCAH		
F05	MENGINTAI		
F06	MENGGUNAKAN KATA / PERBUATAN LUCAH		
F07	MELUKIS & MENULIS KATA-KATA DAN GAMBAR LUCAH		
F08	MENONTON VCD / FILEM LUCAH		
F09	MEMELUK MURID LAIN JANTINA		
F10	BERDUA-DUAAN YANG MENIMBULKAN SYAK		

	G. TINGKAH LAKU KURANG SOPAN / BIADAP	Tindakan	Demerit
G01	BIADAP KEPADA GURU	<ul style="list-style-type: none"> • Amaran • Dirotan • Denda RM5.00 	3/5 / 10
G02	BIADAP KEPADA KAKITANGAN		
G03	BIADAP KEPADA TETAMU		
G04	BERKELAKUAN KASAR KEPADA MURID/PENGAWAS		
G05	BERBAHASA KESAT / KASAR KEPADA MURID/PENGAWAS / BERBAHASA IBUNDA		
G06	MEMINUM / MEMBELI / MENYIMPAN / MENGEDAR MINUMAN YANG MEMABUKKAN		
G07	MEMBUANG SAMPAH MERATA-RATA		
G08	INGKAR ARAHAN GURU/TIDAK MENGHORMATI GURU		
G09	INGKAR ARAHAN PENGAWAS/TIDAK MENGHORMATI PENGAWAS		
G10	MELUDAH DI TEMPAT TIDAK SEPATUTNYA		

	H. KESALAHAN VANDALISME	Tindakan	Demerit
H01	MEROSAKKAN HARTA BENDA SEKOLAH/KELAS/MAKMAL	<ul style="list-style-type: none"> • Dirotan • Ganti rugi • Lapor pada polis • Dgantung sekolah 	5/10
H02	MEROSAKKAN HARTA BENDA ASRAMA/ PENGETUA/GURU-GURU		
H03	MEROSAKKAN HARTA BENDA KANTIN		
H04	MEROSAKKAN PERALATAN BILIK-BILIK KHAS/ KESALAHAN SIBER (DISEKOLAH)		
H05	MEROSAKKAN TANAMAN TUMBUHAN / TANAMAN HIASAN		
H06	MENCONTENG DINDING BANGUNAN SEKOLAH		
H07	MENCONTENG DINDING BANGUNAN ASRAMA		
H08	MEROSAK / MENGOYAK BUKU SPBT		
H09	MEROSAKKAN PERALATAN SUKAN		
H10	MEROSAKKAN KENDERAAN GURU BESAR / PENGETUA / GURU / KAKITANGAN		
H11	MEROSAKKAN HARTA / KENDERAAN MURID		

	J. TINGKAH LAKU TIDAK AMANAH	Tindakan	Demerit
J01	PECAH AMANAH	<ul style="list-style-type: none"> • Amaran • Dirotan • Ganti rugi (jika melibatkan want) • Markah kosong (jika melibatkan ujian/peperiksaan untuk kertas berkenaan dan yang seterusnya) • Gantung sekolah • Buang sekolah • Mahkamah 	3/5/10
J02	BERBOHONG		
J03	TIDAK BERTANGGUNGJAWAB/ MENCEMARKAN NAMA SEKOLAH/NAMA WARGA SEKOLAH		
J04	TIDAK JUJUR/ MENIPU/MENIRU		

	K. KENAKALAN	Tindakan	Demerit
K01	MENUNGGANG MOTOSIKAL DALAM KAWASAN SEKOLAH	<ul style="list-style-type: none"> • Amaran • Dirotan • Kelas Tahanan • Dirampas • Telefon bimbit/alat elektronik dirampas dan dipulangkan pada hujung tahun 	3 / 5 / 10
K02	MASUK TANDAS BERLAINAN JANTINA		
K03	SENGAJA MEMBUNYIKAN LOCENG KECEMASAN		
K04	MENGGANGGU SEMASA PENGAJARAN & PEMBELAJARAN		
K05	TIDAK IKUT GILIRAN / BEREPUT-REPUT / BERTOLAK-TOLAK/ HOOLIGANISME		
K06	MEMBAWA / BERMAIN MERCUN/ TELEFON BIMBIT/ALAT ELEKTRONIK		
K07	MENGUBAHSUAI PENDAWAIAN ELEKTRIK		
K08	KELUAR KAWASAN SEKOLAH / ASRAMA/KELAS TANPA KEBENARAN; BERKELIARAN DI LUAR KAWASAN SEKOLAH /KELAS PADA WAKTU PERSEKOLAHAN		
K09	BERMAIN DALAM DORM /KELAS/MAKMAL/KANTIN		
K10	MELANGGAR PERATURAN ASRAMA/ KELAS/MAKMAL/BILIK-BILIK KHAS/KANTIN		

	L. TINGKAH LAKU TIDAK PENTINGKAN MASA	Tindakan	Demerit
L01	LEWAT KE SEKOLAH	<ul style="list-style-type: none"> • Slip lewat diberi • 3 kali lewat – dirotan • Amaran 	3 / 5
L02	LEWAT KE PERHIMPUNAN		
L03	LEWAT MASUK KELAS		
L04	LEWAT DATANG AKTIVITI LUAR KELAS / KOKURIKULUM		
L05	LEWAT MASUK / BALIK KE ASRAMA		

	M. KEKEMASAN DIRI	Tindakan	Demerit
M01	BERKUKU PANJANG	<ul style="list-style-type: none"> • Digunting • Denda Kuku – RM1.00 Misai – RM2.00 Rambut – RM3.00 • Dihantar pulang ke rumah • Barang kemas dirampas dan denda RM1.00 • M06 : -Memakai kain sarong -Memakai kasut pekerja -Denda RM1.00 -Kelas Tahanan 	3 / 5
M02	MEWARNA KUKU / BERINAI		
M03	BERAMBUS PANJANG		
M04	RAMBUT BERFESYEN		
M05	BERMISAI / BERJANGGUT		
M06	MEMAKAI PAKAIAN TIDAK MENGIKUT PERATURAN <ul style="list-style-type: none"> • Seluar/Kasut/Stokin • Baju sekolah/ (baju kokurikulum yang berkolar - pada hari Rabu) tidak diselitkan ke dalam seluar (atau skirt untuk perempuan) • Baju Melayu (hari Jumaat) tidak lengkap untuk pelajar lelaki Islam 		
M07	PAKAI BARANG KEMAS		
M08	MENCUKUR BULU KENING		
M09	MEMAKAI ALAT SOLEK		

	N. PENGLIBATAN POLITIK	Tindakan	Demerit
N01	PENGLIBATAN DALAM PERHIMPUNAN / PERARAKAN POLITIK	<ul style="list-style-type: none"> • Dilaporkan kepada Jabatan • Mengikut tatatertib disiplin murid KPM 	10
N02	MERAYU UNDI DALAM PILIHANRAYA		
N03	MENYEBAR PENULISAN / DOKUMEN / PROPAGANDA POLITIK		

	KES-KES LAIN	Tindakan	Demerit
J03	<ul style="list-style-type: none"> • MENGUNDANG KAWAN-KAWAN KE SEKOLAH TANPA KEBENARAN PENGETUA • TURUN DARI KERETA/MOTORSIKAL DI HADAPAN PALANG PONDOK KESELAMATAN • MEMBALING KERTAS • MAKAN DALAM KELAS • TIDAK MEMBUAT KERJA RUMAH • MENGEJEK NAMA PELAJAR, NAMA IBU BAPA • MEMBAWA BUKU KOMIK DAN TERBITAN LAIN YANG TIDAK ADA KAITAN DENGAN PELAJARAN • PEMBALUT GULA, COKLAT, MAKANAN (JUNK FOOD) & MINUMAN KOTAK (KOSONG), BOTOL AIR MINERAL, BOTOL AIR "PAKAI BUANG" YANG DIJUMPAI DI KELAS. • MENGUNYAH "CHEWING GUM" ATAU MEMBAWA "CHEWING GUM" • PONTENG SEKOLAH KE SIBER KAFE • TIDAK MENJALANKAN TUGAS MEMBERSIHKAN KELAS • MENCEMARKAN NAMA SEKOLAH MENERUSI MEDIA SIBER • BENDA LARANGAN 	<ul style="list-style-type: none"> • Amaran • 3 kali kesalahan – dirotan • Dirampas • Kelas didenda RM1.00 sekeping • Denda RM10.00 dan rotan • Dirotan • Gantng sekolah • Buang sekolah • Gantung sekolah • Buang sekolah • Dirampas 	3 / 5 / 10

* **Tindakan tidak semestinya mengikut urutan.**

* Sekiranya pelajar tidak mengubah sikap setelah beberapa kali tindakan diambil, pelajar boleh digantung atau dibuang sekolah.

+ Pelajar perempuan akan mengikuti kelas tahanan (detention class) sebagai ganti hukuman rotan.

Pihak sekolah akan menggunakan budi bicara dalam melaksanakan hukuman atau memberi hukuman lain untuk menggantikan hukuman yang dicatatkan. Contoh: Pelajar boleh digantung daripada sesuatu jawatan tertentu di sekolah untuk sesuatu tempoh sebagai mengganti hukuman gantung sekolah.

Markah Terkumpul	Tindakan	Tindakan Susulan
20 – 30		<ul style="list-style-type: none"> • Kaunseling
35 - 55	Amaran Pertama	<ul style="list-style-type: none"> • Surat kepada ibu bapa • Ibu Bapa dipanggil • Kaunseling
60 – 95	Amaran Kedua	<ul style="list-style-type: none"> • Digantung sekolah
Melebihi 100	Amaran Terakhir	<ul style="list-style-type: none"> • Tukar/dibuang sekolah

Catatan:

- a. Pelajar-pelajar tingkatan 5 dan tingkatan 6 Atas yang mendapat 55 markah terkumpul, surat akuan sekolah tidak akan dikeluarkan.
- b. "Forecast results" dan surat akuan khas untuk permohonan ke pusat-pusat pengajian tinggi sama ada di dalam atau di luar negara tidak akan dikeluarkan kepada pelajar-pelajar yang mempunyai 55 markah terkumpul.
- c. Semua jenis salah laku yang dilaporkan kepada Jawatankuasa Disiplin sekolah akan dicatatkan markah demeritnya dalam rekod pelajar oleh PK HEM/Guru Disiplin.
- d. Markah yang terkumpul akan terus dicatatkan pada setiap awal tahun dan sekiranya pelajar masih melakukan kesalahan markah demerit akan dikumpul dan tindakan sewajarnya akan diambil terhadapnya.
- e. **Akibat ketidakhadiran ke sekolah tanpa surat doktor ke atas surat akuan pelajar.**
 - 5 hari: Tidak akan menerima gred "cemerlang" untuk **tanggung jawab** dan **kelakuan**.
 - 10 hari: Tidak akan menerima gred "amat baik" atau "cemerlang" untuk sifat-sifat di atas. Tiada ulasan akan ditulis diruangan **catatan tambahan**.
- f. **Akibat kerap lewat ke sekolah ke atas surat akuan pelajar.**
 - 5 hari: Tidak akan menerima gred "cemerlang" untuk **ketepatan** dan **tanggung jawab**.
 - 10 hari: Tidak akan menerima gred "amat baik" atau "cemerlang" untuk sifat-sifat di atas.
- g. Mengikut artikel 5.3 di bawah seksyen **Bayaran dan Yuran Sekolah, Garis Panduan Pengurusan Disiplin** sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bagi **murid yang engkar atau tidak menjelaskan yuran dan sebarang bayaran yang telah ditetapkan**, pihak sekolah berhak **menahan keputusan peperiksaan serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan seperti sijil berhenti sekolah, surat akuan, dan lain-lain. Murid perlu menjelaskan yuran yang bertunggak sebelum berpindah.**